

NO. SOALAN: 204

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]

RUJUKAN : 10410

SOALAN :

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kanak-kanak yang diberi status "bukan warganegara" yang tinggal di Malaysia mengikut negeri dan dilahirkan kepada ibu serta bapa berwarganegara Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 13 Oktober 2017, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah merekodkan kelahiran seramai 43,445 orang individu berumur bawah 21 tahun yang bertaraf bukan warganegara dan ibu atau bapa kandung mereka adalah warganegara Malaysia. Perincian mengikut negeri di mana pendaftaran kelahiran dikemukakan adalah seperti berikut:-

Negeri	Jumlah (Orang)
Sabah	23,154
Selangor	3,737
Johor	2,603
W.P Kuala Lumpur	2,197
Sarawak	2,169
Perak	1,157
Pulau Pinang	870
Kedah	723
Pahang	580
Negeri Sembilan	505
W.P Labuan	436
Kelantan	428
Melaka	341
Perlis	199
Terengganu	160
W.P Putrajaya	2
Jumlah Keseluruhan (Orang)	39,261

SOALAN (205)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**TARIKH : 23 OKTOBER 2017
[ISNIN]**

DARIPADA : YB. DATUK KOH NAI KWONG

SOALAN :-

YB. Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan penjelasan rancangan atau strategi Kerajaan untuk mengatasi masalah banjir kilat yang kerap berlaku khususnya di kawasan Alor Gajah.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan pengurusan sistem saliran dan perparitan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah di bawah bidang kuasa PBT masing-masing. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyarankan agar PBT melaksanakan beberapa langkah bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang boleh mengakibatkan kejadian banjir kilat seperti berikut:

1. Melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan longkang-longkang dan parit takungan bagi melancarkan aliran air dengan tindakan seperti :
 - (i) Membuang kekotoran atau longgokan sampah dalam parit atau *sump*;
 - (ii) Memotong rumput di sepanjang sistem perparitan yang menyekat laluan air; dan
 - (iii) Memperbaiki sistem longkang yang rosak.

2. Memantau dan memastikan pemaju projek pembangunan supaya sentiasa menyelenggara parit, longkang, pemetung dan kolam takungan serta menjaga kebersihan kawasan pembangunan.

3. Mewujudkan jaringan kerjasama dengan Jabatan/Agensi teknikal yang berkaitan seperti Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Pejabat Daerah dalam menangani isu berkaitan banjir.

Selain itu, KPKT telah menyediakan peruntukan di bawah Program Pembangunan Projek BP.1 sebanyak RM100,000.00 untuk melaksanakan projek menaik taraf sistem perparitan di Taman Sri Dalong dalam Majlis Perbandaran Alor Gajah.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
November 2017